

**FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM, SELANGOR
SESI 2014**

**DENGAN INI MENGESAHKAN
PELAJAR : AMIRA SYAHIRA BINTI SHAMSUL BAHRI
NO. MATRIKS : 2011922631**

**TELAH MEMENUHI SEGALA SYARAT PENULISAN LATIHAN ILMIAH
YANG TELAH DITETAPKAN OLEH JAWATANKUASA KHAS YANG
DILANTIK OLEH FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM), SHAH ALAM.**

DAN MEMBERI HASIL KERJA INI PADA

30 JUN 2014

DI HADAPAN

PENYELIA

RAJA NOR AMINAH RAJA AYOB

.....
(TANDATANGAN)

**DEKAN
PROFESOR A. RAZAK HJ. MOHAIDEEN**

.....
(TANDATANGAN)

**PATH-GOAL THEORY: KAEDAH KEPIMPINAN PENGURUSAN
PENTAS DALAM PERSEMBAHAN PROJEK *STREET ART*
*CARNIVAL***

AMIRA SYAHIRA BINTI SHAMSUL BAHRI

**Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat
memperolehi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Kepujian) Pengurusan
Industri Kreatif.**

**FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI
2014**

PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa kajian ilmiah ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali pendapat-pendapat dan karya-karya yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Kajian ilmiah ini juga belum pernah dihantar ke mana-mana institusi akademik atau institusi bukan akademik untuk sebarang ijazah atau kelulusan.

Nama Pelajar : Amira Syahira binti Shamsul Bahri

No. Matrik : 2011922631

Program : Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Kepujian)
Pengurusan Industri Kreatif

Fakulti : Filem, Teater dan Animasi

Tajuk Kajian Ilmiah : *Path-Goal Theory*: Kaedah Kepimpinan Pengurusan Pentas
Dalam Persembahan Projek *Street Art Carnival*

Tandatangan :

Tarikh : 30 Jun 2014

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Ilahi dengan limpah kurnia-Nya, saya telah dapat menghasilkan penulisan ilmiah ini bagi melengkapkan pengajian ijazah saya selama tiga tahun dalam tempoh yang ditetapkan. Ucapan terima kasih kepada Dekan Fakulti Filem, Teater dan Animasi dan juga Ketua Program Pengurusan Industri Kreatif bagi setiap perhatian kepada semua pelajar. Penulisan ini juga tidak akan sempurna sekiranya tiada pendapat, dorongan dan juga bimbingan daripada penyelia tesis saya, Puan Raja Aminah. Setinggi-tinggi penghargaan kepada beliau bagi setiap masa dan ilmu yang telah diberikan. Begitu juga setinggi penghargaan kepada Encik Norman iaitu selaku koordinator tesis yang banyak membantu dan membimbing saya tanpa mengira masa. Seterusnya, tidak lupa kepada pensyarah-pensyarah yang memberi inspirasi serta ilmu untuk saya menyempurnakan penulisan ilmiah ini.

Selain itu, ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya Shamsul Bahri Abdul Mois dan Maimon Sulaiman kerana tidak lekang memberikan semangat, doa, dorongan dan juga keperluan kewangan supaya saya dapat menyempurnakan penulisan ilmiah ini sehingga selesai. Penghargaan juga buat sahabat-sahabat seperjuangan yang membantu sepanjang proses penulisan ilmiah ini dijalankan. Segala budi dan jasa amat saya hargai.

Sekalung penghargaan juga kepada yang terlibat secara langsung atau tidak dalam kajian ilmiah ini dan ucapan terima kasih di atas sumbangan yang diberikan. Hanya Allah SWT sahaja dapat membalas dan membantu kalian semua.

Sekian, terima kasih.

AMIRA SYAHIRA BINTI SHAMSUL BAHRI
Fakulti Filem, Teater dan Animasi
Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Persembahan pentas kini giat dilaksanakan oleh masyarakat di mana merangkumi pelbagai jenis medium yang cuba disampaikan terutamanya di dalam sebuah teater, konsert, karnival dan juga festival. Sesebuah persembahan itu kebiasaannya dipengaruhi serta dikawal oleh kepimpinan yang baik yang dipertanggungjawabkan daripada seorang pengurus pentas. Peranan kepimpinan sangat penting dan ianya boleh mempengaruhi organisasi, situasi malah melibatkan pergaulan terhadap sesama orang sekeliling dalam menjayakan persembahan tersebut. Dalam memfokuskan kepada projek *Street Art Carnival*, persembahan yang dijalankan telah diterapkan *Path-goal theory* oleh pengurus pentas di dalam memastikan persembahan tersebut tiadanya cacat cela. Teori tersebut menunjukkan bahawa tingkah laku seorang pemimpin boleh diguna pakai di dalam berbagai situasi yang berbeza keadaan dan masa oleh pemimpin yang sama. Kertas kerja ini akan mengkaji *Path-goal theory* sebagai salah satu kaedah kepimpinan yang terbaik untuk diaplikasikan oleh pengurus pentas dalam menjayakan sesebuah kelancaran persembahan.